



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA **KPWKM**

LAPORAN HARIAN SABTU, 6 SEPTEMBER 2025



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN



TAGS

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my) • kpwkm



6/9/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<b>PELAN PINDAAN AKTA TASKA 1984 DIRANGKA</b> <b>PERKUKUH EKOSISTEM PENJAGAAN AWAL KANAK-KANAK</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/746646/berita/nasional/pelan-pindaan-akta-taska-1984-dirangka-perkukuh-ekosistem-penjagaan-awal-kanak-kanak">https://www.sinarharian.com.my/article/746646/berita/nasional/pelan-pindaan-akta-taska-1984-dirangka-perkukuh-ekosistem-penjagaan-awal-kanak-kanak</a>	SINARHARIAN.COM.MY	
2	<b>SEDIA SEMAK SEMULA SUBSIDI TASKA</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/746641/berita/nasional/sedia-semak-semula-subsidi-taska">https://www.sinarharian.com.my/article/746641/berita/nasional/sedia-semak-semula-subsidi-taska</a>	SINARHARIAN.COM.MY	
3	<b>2 BERADIK LEMAS KERETA MASUK SUNGAI, BAPA, TEMAN WANITA DIREMAN SEMINGGU</b>		<b>NEUTRAL</b>
	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/2-beradik-lemas-kereta-masuk-sungai-bapa-teman-wanita-direman-seminggu/">https://www.buletintv3.my/nasional/2-beradik-lemas-kereta-masuk-sungai-bapa-teman-wanita-direman-seminggu/</a>	BULETINTV3.MY	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/746675/berita/semasa/dua-beradik-lemas-bapa-teman-wanita-direman">https://www.sinarharian.com.my/article/746675/berita/semasa/dua-beradik-lemas-bapa-teman-wanita-direman</a>	SINARHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dua-kanakkanak-lemas-lelaki-teman-wanita-direman-seminggu-537277">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dua-kanakkanak-lemas-lelaki-teman-wanita-direman-seminggu-537277</a>	ASTROAWANI.COM	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/utama/2025/09/1260531/dua-beradik-lemas-kereta-masuk-sungai-bapa-teman-wanita-direman-7-hari">https://www.hmetro.com.my/utama/2025/09/1260531/dua-beradik-lemas-kereta-masuk-sungai-bapa-teman-wanita-direman-7-hari</a>	HMETRO.COM.MY	
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/09/05/lelaki-teman-wanita-direman-7-hari-berkait-kes-2-beradik-lemas">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/09/05/lelaki-teman-wanita-direman-7-hari-berkait-kes-2-beradik-lemas</a>	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	<a href="https://bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2464253">https://bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2464253</a>	BERNAMA.COM	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my) • kpwkm



6/9/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	<b>AMANG SEKSUAL PELAJAR LELAKI, MUDIR DIREMAN 7 HARI LAGI</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/09/1260515/amang-seksual-pelajar-lelaki-mudir-direman-7-hari-lagi">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/09/1260515/amang-seksual-pelajar-lelaki-mudir-direman-7-hari-lagi</a>	HMETRO.COM.MY	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/09/05/mudir-pondok-direman-sentuh-remaja-lelaki/">https://www.kosmo.com.my/2025/09/05/mudir-pondok-direman-sentuh-remaja-lelaki/</a>	KOSMO.COM.MY	
	<a href="https://www.buletintv3.my/mahkamah/mudir-disambung-reman-7-hari-bantu-siasatan-kes-amang-seksual/">https://www.buletintv3.my/mahkamah/mudir-disambung-reman-7-hari-bantu-siasatan-kes-amang-seksual/</a>	BULETINTV3.MY	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/09/1442520/mudir-disambung-reman-seminggu-bantu-siasatan-kes-amang-seksual">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/09/1442520/mudir-disambung-reman-seminggu-bantu-siasatan-kes-amang-seksual</a>	BHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/746667/berita/semasa/kes-liwat-amang-seksual-pelajar-mudir-madrasah-direman-seminggu-lagi">https://www.sinarharian.com.my/article/746667/berita/semasa/kes-liwat-amang-seksual-pelajar-mudir-madrasah-direman-seminggu-lagi</a>	SINARHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2025/09/05/mudir-madrasah-jalan-bertongkat-bantu-siasatan-kes-liwat-amang-seksual-pelajar-lelaki">https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2025/09/05/mudir-madrasah-jalan-bertongkat-bantu-siasatan-kes-liwat-amang-seksual-pelajar-lelaki</a>	MSTAR.COM.MY	
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=PSis1zTS1EU">https://www.youtube.com/watch?v=PSis1zTS1EU</a>	YOUTUBE	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	<b>WOMAN JAILED FOR FAILING TO REPORT CHILD ABUSE</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.dailyexpress.com.my/news/265953/woman-jailed-for-failing-to-report-child-abuse/">https://www.dailyexpress.com.my/news/265953/woman-jailed-for-failing-to-report-child-abuse/</a>	DAILYEXPRESS.COM.MY	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my) • kpwkm



## Pelan pindaan Akta Taska 1984 dirangka perkukuh ekosistem penjagaan awal kanak-kanak

PREMIUM  
KHAIRIL ANWAR MOHD AMIN [Follow](#)

05 September 2025 10:10am



Nancy Shukri.

SHAH ALAM - Pelan semakan dan pindaan terhadap Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 (Akta 308) bakal dirangka Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bagi memperkuuh aspek keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, langkah itu penting bagi memastikan ekosistem penjagaan awal kanak-kanak terus mampan dan menepati keperluan semasa.

Beliau berkata, pindaan tersebut akan memberi tumpuan terhadap pengukuhan piawaian keselamatan serta garis panduan operasi taska di seluruh negara.

"KPWKM mahu memastikan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak di taska berdaftar sentiasa mematuhi piawaian dari aspek keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan.

"Selain itu, kerajaan tidak menetapkan kadar yuran pengasuhan pada had tertentu. Ini kerana perkara ini tertakluk kepada prinsip pasaran terbuka.

"Pengawalseliaan berkaitan persaingan harga terletak di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) bagi memastikan tiada unsur monopoli atau penetapan harga secara kartel berlaku dalam industri," katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Dalam perkembangan lain, Nancy turut menjelaskan, kementerian juga sedang merangka strategi meningkatkan profesionalisme serta kemahiran pengasuh melalui latihan berstruktur.

"Antara yang bakal dilaksanakan termasuk Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak PERMATA (KAP), standard kompetensi serta program pembangunan profesional berterusan," katanya.

Nancy berkata, pindaan akta berkenaan juga akan memperkuuh aspek pemantauan agar taska tidak sekadar beroperasi sebagai entiti perniagaan tetapi menekankan kualiti penjagaan kanak-kanak.

"KPWKM mahu setiap taska berdaftar benar-benar menjadi tempat yang kondusif, selamat dan diyakini ibu bapa.

"Usaha tersebut memerlukan kerjasama semua pihak termasuk pengusaha taska, majikan serta agensi berkaitan bagi memastikan matlamat kesejahteraan kanak-kanak tercapai," katanya.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my) • kpwkm



## Sedia semak semula subsidi taska

Premium



KAHIRIL ANWAR MOHD AMIN

Follow

05 September 2025 09:00am



Kementerian juga sedang merangka strategi meningkatkan profesionalisme serta kemahiran pengasuh melalui latihan berstruktur.

SHAH ALAM - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bersetuju mempertimbangkan langkah meneliti semula Subsidi Yuran Pengasuhan untuk memastikan kos penjagaan bayi tidak terlalu membebankan ibu bapa serta pengusaha taska di seluruh negara.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, kementerian menyedari cabaran yang dihadapi pengusaha-pengusaha taska dalam menyediakan perkhidmatan penjagaan bayi di bawah umur setahun.

Bagaimanapun, beliau berpandangan, pemberian geran secara berterusan bukanlah penyelesaian lestari kerana taska merupakan entiti perniagaan berdaftar.

"Justeru, kementerian berpandangan penyaluran subsidi terus kepada ibu bapa lebih berkesan kerana manfaat dapat sampai terus kepada kumpulan sasar.

"Dengan cara ini, ibu bapa mampu menampung kos penjagaan bayi di taska dan pada masa sama memastikan pusat berkenaan kekal beroperasi mengikut piawaian keselamatan," katanya kepada Sinar Harian pada Khamis.

Ketika ini, subsidi taska sebanyak RM180 sebulan diperuntukkan bagi seorang anak di bawah Belanjawan 2025 untuk penjawat awam dan mereka yang layak.

Kadar yuran pengasuh bayi di bawah usia setahun kini adalah pada kadar RM550 hingga RM700 sebulan bagi seorang, berbanding kadar yang dikatakan ideal iaitu RM1,000 hingga RM1,200 mengikut keperluan semasa.

Selain itu, Nancy berkata, kementerian juga sedang meneliti langkah penambahbaikan lain seperti peluasan potongan cukai atau rebat kepada ibu bapa dan pengusaha taska.

Ujar beliau, pendekatan tersebut membolehkan beban dikongsi bersama antara kerajaan, pengusaha serta ibu bapa tanpa memberi tekanan kepada mana-mana pihak.

"Kementerian memahami keperluan ibu bapa bekerja yang terkesan dengan kekurangan taska menawarkan perkhidmatan mengasuh bayi dan sekiranya situasi ini berterusan, ia akan menjelaskan prestasi mereka di tempat kerja.

"KPWKM komited dalam memastikan ibu bapa mempunyai akses kepada taska berdaftar yang selamat dan kondusif untuk kanak-kanak.

"Disebabkan itu, KPWKM menyalurkan Subsidi Yuran Pengasuhan kepada ibu bapa yang layak agar dapat meringankan beban," katanya.

Sinar Harian menerusi laporan khas sebelum ini mendedahkan, sektor asuhan awal kanak-kanak negara berdepan krisis apabila 35 hingga 40 peratus pengusaha taska berdaftar di seluruh negara menamatkan perkhidmatan menjaga bayi di bawah usia setahun.

Lebih membimbangkan, peningkatan kos operasi taska melambung tinggi saban tahun serta risiko pengenaan hukuman berat akibat peraturan ketat menyebabkan 15 hingga 25 peratus taska kini mempertimbangkan penutupan operasi.

Mengulas lanjut, Nancy mengakui situasi itu boleh menjadikan prestasi ibu bapa di tempat kerja sekiranya mereka tidak mempunyai akses kepada pusat penjagaan yang selamat dan berdaftar.

Sehubungan itu, beliau berkata, KPWKM kekal komited menyalurkan subsidi secara berfokus agar ibu bapa berpendapatan sederhana dan rendah dapat terus mengantar anak ke taska.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my) • kpwkm



## 2 beradik lemas kereta masuk sungai, bapa, teman wanita direman seminggu

© 05 September 2025, 1:07pm



Pasangan direman tujuh hari susulan dua kanak-kanak lemas selepas kereta dinaiki menggelongsor ke dalam Sungai Linggi.- Foto NSTP

**SEREMBAN:** Lelaki dan wanita yang terbabit dalam insiden dua kanak-kanak lemas selepas kereta dinaiki menggelongsor ke dalam Sungai Linggi, Tanjung Agas, Port Dickson, semalam, direman tujuh hari.

Ketua Polis Daerah Port Dickson, Superintendant Maslan Udin berkata, perintah reman terhadap bapa kepada kanak-kanak berkenaan dan wanita itu dikeluarkan di Mahkamah Majistret di sini hari ini.

"Mahkamah membenarkan kedua-dua individu ini direman selama tujuh hari bermula hari ini hingga 11 September.

"Setakat ini siasatan dibuka mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Dalam pada itu, Maslan berkata, wanita berusia 41 tahun terbabit yang berada dalam kenderaan bersama mangsa yang juga dua beradik berusia enam dan lapan tahun disahkan bukan ibu kandung mereka.

Menurutnya, wanita itu adalah teman wanita kepada bapa mangsa dan usaha mengesan ibu kandung mereka sedang dilakukan.

"Status hubungan bapa dan ibu kandung kanak-kanak terbabit masih belum dapat dipastikan, sama ada mereka masih suami isteri atau sudah berpisah," katanya.

Sebelum ini Ketua Polis Negeri Sembilan, Datuk Alzafny Ahmad dilapor berkata, lelaki tempatan berusia 46 tahun dan wanita berusia 41 tahun ditahan selepas didapati memberi keterangan yang meragukan berhubung kejadian.

Beliau berkata, suspek lelaki mempunyai 16 rekod jenayah termasuk empat kes yang masih dikehendaki, malah kenderaan itu mempunyai rekod laporan polis di Nusa Bestari, Johor pada tahun 2022.

Difahamkan tragedi berlaku ketika kereta diparkir di tebing sungai dalam keadaan enjin dimatikan, sementara bapa mangsa keluar sebentar untuk merokok.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my) • kpwkm



## Amang seksual pelajar lelaki, Mudir direman 7 hari lagi

Hidayatdayu Razali  
am@hmetro.com.my



MUDIR sekolah pondok disambung reman tujuh hari untuk siasatan kes amang seksual dan liwat pelajar lelaki. FOTO Nik Abdullah Nik Omar.

Pasir Mas: Mudir sebuah pondok disambung reman tujuh hari bagi membantu siasatan kes amang seksual dan liwat pelajar lelaki berusia 16 tahun.

Perintah lanjutan reman sehingga 12 Sept itu dikeluarkan Majistret Syed Farid Syed Ali di Mahkamah Majistret di sini, hari ini.

Lelaki berusia 46 tahun itu disiasat mengikut Seksyen 377c Kanun Keseksuaian, Seksyen 5 dan 14 (d) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanan-kanak 2017.

Sebelum ini, suspek direman tujuh hari bermula 30 Ogos lalu, susulan laporan diterima polis daripada mangsa.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Tumpat, Asisten Komisioner Mohd Khairi Shafie mengesahkan lanjutan reman untuk membolehkan siasatan lanjut diteruskan.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my) • kpwkm



## Woman jailed for failing to report child abuse

Published on: Friday, September 05, 2025

By: Jo Ann Mool



Jaimee was charged under Section 28 of the Child Act 2001, which provides for a fine of up to RM5 or a jail term of up to two years, or both, on conviction.

**KOTA KINABALU:** A woman working as an odd-job labourer was sentenced to six months in jail by the Sessions Court here on Thursday for failing to report a case of child abuse.

Jaimee Boo Swee Lean, 35, pleaded guilty before Judge Amir Shah Amir Hassan to committing the offence between July and August, this year, in a unit at Taman Telipok Ria, Tuaran.

The charge stated that Jaimee, who was a family member of two boys, aged 10 and seven had reasonable grounds to believe that they were being abused but failed to notify a Social Welfare Officer.

Jaimee was charged under Section 28 of the Child Act 2001, which provides for a fine of up to RM5 or a jail term of up to two years, or both, on conviction.

Deputy Public Prosecutor (DPP) Bryan Francis in tendering the facts of the case, informed the court that on Aug 29, this year, the complainant lodged a police report at Tuaran police headquarters concerning suspected child abuse at the rented house.

The complainant had first noticed the abuse on Aug 9 when collecting rent from Jaimee. The complainant observed injuries on the two children, including cigarette burns, red eyes, bruises, and other marks on their heads, bodies, arms and legs.

When questioned, Jaimee told the complainant that the injuries were inflicted by the boys' half-brother.

The complainant advised her to lodge a police report, but she failed to do so.

Feeling uneasy, the complainant later went to the police on Aug 19, which led to Jaimee's arrest.

Unrepresented, Jaimee pleaded for leniency, telling the court that she was the only person who could look after the children. She said she was caring for eight children in total, including those she had with her current husband, while the rest were her husband's children.

DPP Bryan urged the court to impose an appropriate sentence, stressing that as the children's stepmother, Jaimee had a duty to safeguard their health and safety instead of allowing them to suffer physical harm and psychological trauma.

In handing down the sentence, Judge Amir Shah told Jaimee that as a mother figure she bore responsibility for the children, telling her that even if she could not prevent the abuse, he said, she should have lodged a report.

The judge also commended the complainant for taking the initiative to alert the authorities, which in turn led to action by the Social Welfare Department.

Jaimee was ordered to serve the sentence from the date of her arrest.

Meanwhile, in the Magistrate's Court, a part time food delivery was charged with molesting a woman while on board of a flight.

Md Yusuf Affendi pleaded not guilty before Magistrate Dzul Elmyn Yunus to touching the 24-year-old woman's left thigh at 9.50pm, on Aug 26, in Batik Air flight bound for Kota Kinabalu.

The charge is framed under Section 354 of the Penal Code. The court fixed Oct 24 for pre-trial case management and released the accused on RM2,000 bail in two sureties.

Inspector Alia Nuurlysa Adnan prosecuted.